

- A
1. A
 2. A
 3. B
 4. A
 5. B
 6. D
 7. A
 8. D
 9. A
 10. C

B Cetakan timbunan (relief)

Merupakan proses membuat cetakan dengan meletakkan dakwat atau warna pada permukaan tapak cetakan yang biasanya terdiri daripada blok kayu atau lino. Hasil permukaan acuan merupakan imej yang terhasil di permukaan kertas. Kaedah cetakan timbul ialah kolaj, lino, cetakan kolograf dan kayu.

Cetakan permukaan planografi

Dihasilkan melalui permukaan cetakan yang mendatar. Dikenali juga sebagai litografi. Cetakan ini berdasarkan teknik sifat penolakan minyak dengan air. Menggunakan blok batu kapur. Seni cetakan kelihatan seolah-olah lukisan pensel.

Cetakan benaman (intaglio)

Imej terhasil berdasarkan garisan di dalam blok atau plat logam. Teknik yang digunakan ialah garisan asid, turisan, akuatin dan mesotin. Kaedah yang berlawanan dengan cetakan timbul.



D 1. Teknik stensil

- Cetakan ini memerlukan kain sutera (organdi) yang diregangkan di atas pemidang kayu.

2. Cetakan stensil kaedah potongan kertas pendua

- Kaedah ini ialah kaedah yang paling ringkas dan mudah. Sediakan sebuah pemidang skrin. Lukis dan gunting imej atas kertas pendua. Semasa mencetak, letakkan imej yang telah dipotong di atas kertas permukaan dasar yang hendak dicetak. Pemidang skrin diletakkan di atasnya sebelum dituangkan dakwat atau warna. Gunakan sekuji untuk meratakan warna di atas pemidang skrin. Angkat perlahan-lahan pemidang skrin. Biasanya imej yang dipotong itu akan terlekat pada belakang pemidang skrin. Cetakan ini tidak boleh menghasilkan edisi yang banyak kerana kertas pendua yang dipotong itu akan lembap dan menyebabkan dakwat atau warna terkeluar.

